

10 nelayan asing dicekup guna bubu naga

UM 2/8/2024 pg 32

SABAK BERNAM: Kegiatan haram 10 nelayan warga Myanmar yang disyaki diupah mencuri hasil laut dengan bubu naga, tumpas selepas dicekup di perairan Sungai Besar di sini, kelmarin.

Kesemua lelaki berusia 26 hingga 54 tahun dipercayai digaji warga tempatan, ditahan Jabatan Perikanan Selangor dan Pasukan Polis Marin (PPM) Pelabuhan Klang, kira-kira pukul 8 pagi.

Pengarah Perikanan negeri, Noraisyah Abu Bakar berkata, ketika serbuan nelayan yang dipercayai tiada dokumen perjalanan sah itu sedang leka menangkap ikan.

“Pemeriksaan lanjut turut membawa kepada rampasan lima bot dan peralatan bubu naga. Mereka diupah warga tempatan untuk beroperasi di sekitar perairan Sungai Besar,” katanya semalam.

Semua tangkapan dan rampasan dibawa ke Pusat Tahanan Vesel Kuala Selangor bagi tindakan lanjut.

“Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 kerana mengusahakan penangkapan ikan tanpa lesen sah. Kesalahan penggunaan bubu naga pula disiasat mengikut Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) 1980,” ujarinya.



ANTARA nelayan asing yang ditahan dalam serbuan di perairan Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor, kelmarin.